



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM  
NEGERI & KOS SARA HIDUP



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA  
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

AKTA SYARIKAT (PINDAAN) 2024

SIRI PENDIDIKAN

**SIRI 21**

COMPANIES (AMENDMENT) ACT 2024

# AKTA SYARIKAT (PINDAAN) 2024

## SOALAN-SOALAN LAZIM

### POLISI 2 : MEMPERKUKUHKAN KERANGKA REHABILITASI KORPORAT

(A) Penambahbaikan peruntukan-peruntukan berkaitan skim perkiraan atau kompromi (SPK)

Apakah rasional untuk mengukuhkan kerangka SPK?

Di Malaysia, kerangka SPK adalah mekanisme yang digunakan secara meluas untuk merehabilitasi syarikat yang mengalami masalah kewangan akibat pelbagai sebab seperti kebiasaan sektor korporat dengan kerangka SPK dan pada dasarnya pengarah-pengarah syarikat masih di bawah kawal selia pihak pengurusan syarikat tersebut. Oleh itu, pengarah-pengarah syarikat diberikan insentif untuk mencadangkan pelan rehabilitasi yang mempunyai kadar berkemungkinan tinggi untuk berjaya.

Dengan itu, Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023 ini memperkenalkan peruntukan-peruntukan yang lebih komprehensif sejajar dengan piawaian antarabangsa untuk memastikan SPK boleh digunakan sebagai pelan rehabilitasi yang lebih efektif untuk syarikat-syarikat yang mengalami masalah kewangan.